



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100-2/1/2 JLD 3 (49) 01/04

HARI MULA TUGAS RASMI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA, YBHG DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Kuala Lumpur – Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali hari ini secara rasminya memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan Malaysia yang baharu. Ketibaan beliau di Wisma Pertahanan pagi ini disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Zainal Abidin, Panglima-panglima Perkhidmatan, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan, Pembangunan dan Dasar) serta Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan. Beliau seterusnya telah mengambil tabik hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) di Dataran Wisma Pertahanan.

Selesai KKU, YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki menyentuh kad perakam waktu sebagai tanda hari pertama beliau memulakan tugas rasmi sebagai KSU di Kementerian Pertahanan. Beliau kemudiannya membuat Kunjungan Hormat ke atas Menteri Pertahanan dan Timbalan Menteri Pertahanan.

YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan menggantikan YBhg. Dato' Sri Halimi bin Abd Manaf yang telah bersara wajib pada 12 April 2019 yang lalu.

Seluruh warga Kementerian Pertahanan mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali sebagai KSU Kementerian Pertahanan yang baharu.

Nota Tambahan:

Kawalan Kehormatan Utama (KKU) terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) daripada Batalion Pertama, Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mejar Mohd Izham Bin Ahmad Rashidi diberikan kepada YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali bersempena hari pertama beliau berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Ketua Setiausaha.

Istiadat Perbarisan KKU adalah tradisi istiadat oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dilaksanakan di peringkat Kementerian Pertahanan sebagai tanda penghormatan kepada KSU Kementerian Pertahanan yang baharu. Perbarisan KKU ini kebiasaannya dilaksanakan pada hari pertama KSU melaksanakan tugas dan juga hari terakhir meninggalkan Wisma Pertahanan.

- Tamat -



**BIODATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN,
YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**

1. Nama Penuh : DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
2. Tarikh Lahir : 11 Ogos 1962
3. Tempat lahir : Kuala Terengganu
4. Pendidikan : Sarjana Muda Ekonomi (Pembangunan dan Perancangan),
UKM, 1986

Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan), Nanyang
Technological University, Singapore/Massachusset Institute of
Technology, Boston USA, 1999

Diploma Pengurusan Awam, INTAN, 1991
5. Keluarga : Menirikan rumahtangga dengan Datin Seri Norizam binti Che Mohd
Nor dan dikurniakan seorang anak lelaki dan seorang orang perempuan.
6. Ringkasan Perkhidmatan:
 - 6.1 Disember 1992 hingga September 1998- Penolong Setiausaha, Bhg.
Pengurusan Perolehan Kerajaan Kem. Kewangan
 - 6.2 September 1999 hingga Februari 2000 - Penolong Setiausaha
Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan
 - 6.3 Februari 2000 hingga April 2004 - Ketua Penolong Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar/ Pegawai Khas Menteri
Pembangunan Luar Bandar
 - 6.4 April 2004 hingga April 2006 - Pegawai Khas/Setiausaha Sulit Kanan
kepada YB Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri

6.5 April 2006 hingga Disember 2006 - Setiausaha Sulit Kanan kepada YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

6.6 Disember 2006 hingga Disember 2011 – Setiausaha Sulit Kanan kepada SPB Yang di-Pertuan Agung

6.7 Disember 2011 hingga Oktober 2012 - Perunding Kanan, Pentadbiran Am, Jabatan Perdana Menteri – Penempatan Khas

6.8 November 2012 hingga 15 Jun 2013 - Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Acara, Jabatan Perdana Menteri

6.9 Jun 2013 sehingga 16 Ogos 2015 - Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri

6.10 17 Ogos 2015 – 12 Ogos 2016 - Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri

6.11 13 Ogos 2016 sehingga 31 Julai 2017 - Setiausaha Persekutuan Sarawak Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri

6.12 1 Ogos 2017 sehingga 15 April 2019 - Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri

6.13 18 April 2019 – mula tugas rasmi KSU Kementerian Pertahanan

7. Antara Aktiviti / Kegiatan Luar / Lantikan BOD (3 tahun kebelakangan):

7.1 1 Ogos 2017 – 15 Julai 2018 - JK Tatatertib FELDA

7.2 1 Ogos 2017 – 15 Julai 2018 - AJK Audit Lembaga Tabung Haji

7.3 Tahun 2017 - kini - Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji

7.4 Tahun 2017-2019 - Ahli Lembaga Penasihat Pembangunan Al-Quran Malaysia

7.5 1 Ogos 2017 – 31 Januari 2021 - Ahli Ex-Officio Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

7.6 1 Ogos 2017 - kini - AJK Urusan Haji Lembaga Tabung Haji

7.7 12 Mac 2018 – kini - Pengerusi Kelab PTD Anak Terengganu (PANTERA)

7.8 16 November 2017 - Pengerusi JK Audit Lembaga Tabung Haji

7.9 14 Mac 2019 – kini - Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Syarikat Pelaburan Tabung Haji (TH Hotel & Residence Sdn Bhd)